

1 Tuhan, Keluarga Manusia, Agama, RAMAI Nabi

(Salam sejahtera ke atas mereka)

“ Mengapa ada banyak perbezaan agama? ”



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Penyayang

Kata-kata di dalam Al-Quran dalam bahasa Arab, adalah kata-kata Allah yang sebenar, diwahyukan kepada NabiNya yang Terakhir, Muhammad s.a.w. Ayat-ayat pilihan ini adalah terjemahan maksud Allah dalam Al-Quran, wahyuNya yang terakhir kepada manusia, mengenai Risalah sejagat Islam yang berterusan dan berkekalan yang diajar oleh semua para Nabi.

Teks italic ditambah untuk menerangkan konteks ayat-ayat ini.

SATU Tuhan

Tuhanmu adalah Tuhan Yang **Maha Esa**, tidak ada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

[Al-Quran, Surah 2, Ayat 163]

Katakanlah: Dialah **Allah**, Yang Maha Esa. Allah tempat meminta segala sesuatu.

Dia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan. Dan tidak ada sesuatu pun yang setara dengan Dia.

[112:1-4]

SATU Keluarga Manusia

Wahai manusia! Allah telah menciptakan kamu daripada *satu pasangan* lelaki dan perempuan (*Adam dan Hawwa*), dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenali. Sesungguhnya yang **paling mulia** di antara kamu di sisi Allah ialah yang **paling bertakwa**.

[49:13]

SATU Agama

Sesungguhnya Agama yang diredhai di sisi Allah hanyalah **Islam**, *iaitu penyerahan sepenuhnya kepada Allah*.

[3:19]

RAMAI Nabi

Allah telah mengutus seorang Rasul bagi setiap umat untuk membawa **risalah yang sama**: Sembahlah **Allah sahaja**, dan jauhilah Kejahatan.

[16:36]

Allah telah menceritakan mengenai beberapa *Rasul dalam Al-Quran*, dan ada pula tidak diceritakan.

[40:78]



SATU Keluarga Manusia
"Manusia sejagat adalah keturunan Nabi Adam. Tiada siapa berdarjat lebih tinggi melainkan takwanya."
(Nabi Muhammad)

Adam hingga Muhammad: Hanya SATU Mesej ISLAM – Agama Sebenar Semua Nabi

Semua Nabi, Satu Agama

Allah telah mensyariatkan kepadamu **agama sama** yang telah diwasiatkanNya kepada **Nuh** dan apa yang telah Allah wahyukan kepadamu (*wahai Muhammad*) dan apa yang telah Allah wasiatkan kepada **Ibrahim, Musa dan Isa...**

[42:13]

Ibrahim, Nabi Islam

Ibrahim bukan seorang Yahudi dan bukan seorang Nasrani. Akan tetapi dia adalah seorang yang tetap beriman kepada Satu Tuhan; dia seorang **Muslim** dan dia tidak menyekutukan Allah.

[3:67]

SATU Haluan: Ka'bah

- Rumah ibadah pertama dibina untuk menyembah Satu Tuhan, Allah.
- Pada mulanya didirikan oleh Ibrahim & anaknya, Ismail, atas perintah Allah.
- Arah kiblat yang ditentukan Allah, bukan benda disembah.



Mengapa ada banyak perbezaan agama?

Agama yang benar – Islam – yang dibawa oleh para Nabi sebelum Nabi Muhammad menjadi agama yang berbeza apabila diubah dengan penyelewengan dan pemalsuan.

Perpecahan dan Penyelewengan

Setelah datang kepada *manusia* kebenaran yang disampaikan oleh para Nabi, mereka masih berpecah-belah kerana **kedengkian** antara sesama mereka...

[42:14]

Allah berfirman: Sesungguhnya umat kamu ini, umat yang satu, dalam agama yang satu dan Aku adalah Tuhanmu, maka bertakwalah kepadaKu. Kemudian pengikut mereka berpecah-belah dalam urusan mereka menjadi **beberapa golongan**; setiap golongan berbangga dengan apa yang ada pada mereka.

[23:52-53]

Agama di sisi Allah hanya **SATU**. Agama ciptaan manusia banyak dan berbeza.

Muhammad & Al-Quran : Kebenaran Kembali ISLAM – Dibaharui, Lengkap & Sempurna

Nabi Terakhir

Muhammad adalah Rasul Allah dan **kesudahan segala Nabi**.

[33:40]

Wahai Muhammad, serulah manusia kembali ke agama Islam ... Katakanlah kepada mereka: "Allah Tuhan kami dan Tuhan kamu."

[42:15]

Seruan Sejagat Islam:



Kitab Wahyu Terakhir

Allah telah menurunkan kepadamu, *Wahai Muhammad*, Kitab **Al-Quran** dengan kebenaran yang mengesahkan isi Kitab-kitab yang telah diturunkan sebelumnya, dan ia juga menurunkan Kitab Taurat (*kepada Musa*), dan Kitab Injil (*kepada Isa*).

[3:3]

Pilihlah Islam

Allah berfirman: Pada hari ini telah Aku sempurnakan bagimu agama kamu, dan telah Aku cukupkan nikmatKu kepadamu, dan telah Aku **redhai Islam** itu menjadi agamamu dan jalan kehidupan.

[5:3]



SATU Dunia

Harapan untuk Keamanan antara pelbagai bangsa dunia terletak dalam seruan mulia dan sejagat Islam kepada Keadilan saksama: Tegas demi Keadilan untuk semua manusia, kaya atau miskin, walaupun bertentangan dengan kepentingan sendiri. [4:135] Tiada Keadilan, Tiada Keamanan.


Allah Maha Mengetahui.

Oleh: Fatima Ebrahim Munshi

Terjemahan daripada Bahasa Inggeris oleh: Rosna M Taib

SATU Tuhan, SATU Keluarga Manusia, SATU Agama, RAMAI Nabi

ALLAH mengutus 124,000 Nabi & Rasul untuk menyampaikan petunjukNya kepada manusia, bermula dari **ADAM**, manusia pertama. Nabi-nabi utama ialah **NUH, IBRAHIM, MUSA, ISA & MUHAMMAD (s.a.w.)**, Nabi Terakhir & universal. Semua Nabi membawa ajaran agama **ISLAM** - Penyerahan kepada **ALLAH**; mereka semua **MUSLIM**. Sebagai Nabi Terakhir, **MUHAMMAD (s.a.w.)** menyampaikan, melalui **AL-QURAN**, agama **ISLAM** yang dibaharui, lengkap & sempurna sebagai pedoman hidup untuk seluruh manusia hingga akhir zaman. Ini adalah **Salasilah** ringkas **25 Nabi yang tersebut dalam AL-QURAN** *



KEPERCAYAAN ASAS Dalam ISLAM

- * **Tuhan yang Satu dan Esa (Allah)**. Allah ialah Pencipta tunggal dan Pengawas alam semesta dan semua makhluk. Manusia dicipta untuk 'menyembah Allah' [51:56]
- * **Malaikat** dicipta daripada cahaya dan ta'at menurut perintah Allah. Penghulu Malaikat, Jibril membawa wahyu Allah kepada para Nabi.
- * **Petunjuk dari Allah** dihantar kepada manusia melalui para Nabi dan Rasu'Nya. Nabi adalah seorang lelaki dilantik oleh Allah untuk menerima Wahyu. Rasul ialah seorang nabi yang telah menerima Kitab Wahyu & satu kanun Hukum Syariat. 313 daripada 124,000 para Nabi adalah Rasul [Sumber: Al Baihaqi, Al Sunan al Kubra, 9/4, Hadith #17489].
- * **Kitab-Kitab Wahyu** disampaikan kepada Nabi-Nabi tertentu. Allah menyebutkan 4 Kitab di dalam Al-Quran, iaitu Taurat Nabi Musa, Zabur Nabi Daud, Injil Nabi Isa & Wahyu Terakhir Al-Quran, diturun kepada **Nabi Muhammad**. Hanya Al-Quran kekal sebagai Kitab Wahyu yang tulen kerana ia dipelihara sempurna dalam bentuk asal, kandungannya dan dahasannya.
- * **Kebertanggungjawaban di Akhirat**, yang meliputi kepercayaan pada Kebebasan Memilih & Tanggungjawab Sendiri, Hidup Selepas Mati, Dunia Kiamat, Kebangkitan Semula, Hari Penghisaban, Surga dan Neraka Jahannam.
- * **Qada' & Qadar**, di mana tiada sesuatu, baik atau buruk, berlaku tanpa Pengetahuan & Izin Allah.
- * **Kejayaan Sebenar** bagi manusia ialah untuk memenuhi tujuan penciptaan mereka, dan akhirnya untuk mencapai kebahagiaan abadi di Akhirat, & ini dicapai melalui Islam.
- * **Islam** bermaksud menyerah dan tunduk kepada Allah, yang menghasilkan Keamanan. Seperti disampaikan oleh Nabi Muhammad, Islam adalah dalam bentuknya yang terakhir, sempurna, lengkap dan sejagat. Seorang **Muslim** menyerahkan dirinya kepada Allah, menerima cara hidup berasaskan keseluruhan Petunjuk Allah, dan dengan demikian mencapai ketenangan dalam dirinya, dengan manusia lain, dengan alam sekeliling, & akhirnya menerima ganjaran Surga, & selamat daripada azab api Neraka, pada Hari Akhirat, dengan Rahmat Allah.

SATU Keluarga Manusia, SATU Haluan Persamaan & Penyatuan dalam Kepelbagaian

Ka'bah adalah pusat tumpuan agama Islam, tempat naungan suci, dan simbol penyatuan. Orang Islam daripada kalangan lelaki dan perempuan, pelbagai bangsa dan negara, bahasa dan warna kulit, budaya dan taraf hidup bersatu sebagai "Satu Keluarga Manusia Menyembah Satu Tuhan". Islam bukan agama untuk bangsa Arab, tetapi Islam adalah agama sejagat bagi seluruh manusia.

Bagaimana Orang Muslim Mengamal Islam
Cinta Allah, Buat Kebajikan Kepada Semua

- **Cinta Allah & berserah** kepada PetunjukNya dalam Al-Quran. Orang Islam bersaksi "Tiada yang layak disembah kecuali Allah, & Muhammad adalah Rasul Allah." Orang Islam menyatakan kepercayaan mereka dengan amalan-amalan baik.
- **Mengikuti bimbingan Nabi Muhammad** kerana dirinya adalah contoh teladan yang terbaik "Jika kamu cinta Allah, ikutilah Muhammad." [3:31]
- **Beribadah kepada Pencipta, Berbaik sesama Makhluq** untuk mencapai dunia yang lebih aman. Ibadah dalam Islam meliputi semua perilaku yang diridhai Allah. Orang Islam "menyuruh yang baik dan melarang yang mungkar." [3:110]
- **Melakukan ibadah fardhu** disebut **5 Rukun Islam** untuk mengukuhkan hubungan dengan Tuhan supaya menjadi manusia lebih baik. Lima Rukun ini ialah **Mengucap Dua Kalimah Syahadah, Solat Fardhu 5 kali sehari, Zakat, Puasa Bulan Ramadhan & Menunaikan Haji di Makkah.**
- **Menjadi khalifah bertanggungjawab** memelihara alam dan semua makhluknya. "Janglah kamu berbuat kerusakan di bumi sesudah Allah menyediakn kebaikan padanya." [7:56]

Nota: - Menunjuk keturunan secara langsung
Sumber: • Al-Quran • Kitab Bible • Sahih Muslim, Al-Hafiz Abi Husain Muslim • Tafsir Ibn Kathir, Al-Hafiz Ismail Bin Umar Bin Kathir. • Ibn Kathir, Kisah-kisah Anbiya' • Bukhari 4:55:652
 • www.usbible.com/gospel/jesus_genealogy.htm / ALLAH MAHA MENGETAHUI